



# PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)

Penyelaras Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK)  
d/a Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik,  
Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu

☎ : +609-6683316  
☎ : +609-6683326

🌐 : <http://persama.org.my>  
✉ : [umtomk@gmail.com](mailto:umtomk@gmail.com)

**OLIMPIAD MATEMATIK  
KEBANGSAAN (OMK)**

Rujukan kami : UMT/FTKKI/1-8/6/3/OMK2020-(4)  
Tarikh : 26 Februari 2020

**Semua Pengetua Sekolah/Pengarah Kolej/Matrikulasi/Politeknik/Universiti**

*Assalamualaikum W. B. 7 & Selamat Sejahtera,*

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **PERTANDINGAN OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN (OMK) 2020**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) yang **diiktiraf di peringkat kebangsaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** dan merupakan aktiviti tahunan kelolaan Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) akan diadakan seperti butiran berikut:

**Tarikh : 18 Julai 2020 (Sabtu)**  
**Masa : 10:00 pagi – 12:30 tengah hari**

3. Pertandingan ini terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu:

- a) Kategori Bongsu - Tingkatan 1 dan 2
- b) Kategori Muda - Tingkatan 3 dan 4
- c) Kategori Sulong - Tingkatan 5 dan 6/Matrikulasi/Setara

4. Pusat penyelarasan OMK adalah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). **Pusat Pertandingan OMK 2020 akan ditentukan oleh Urusetia OMK 2020.** Sila ambil maklum bahawa **tiada sebarang surat panggilan OMK akan diposkan kepada sekolah yang mendaftar OMK 2020.** Penyelaras atau pihak sekolah/institusi perlulah **BERTANGGUNGJAWAB** untuk menyemak maklumat terkini OMK 2020 di laman sesawang PERSAMA bagi mengetahui maklumat lanjut tentang OMK 2020 seperti tarikh dan tempat pertandingan.

5. Sijil penyertaan akan diberi kepada setiap peserta yang hadir pada hari pertandingan manakala Penyelaras Sekolah/Institusi dan pihak sekolah/institusi akan diberi sijil penghargaan berupa sijil elektronik (e-sijil).

6. Untuk makluman, peserta OMK yang memperoleh pencapaian cemerlang akan dipilih dan layak disaring untuk menyertai kem-kem **Intensif International Mathematical Olympiad (IMO)**. Di akhir kem intensif tersebut, beberapa orang pelajar berkemungkinan dipilih untuk mewakili Malaysia dalam pertandingan **IMO**. **Pelajar yang pernah mewakili Malaysia dalam IMO 2018, IMO 2019 dan IMO 2020 tidak dibenarkan menyertai OMK 2020.**

7. Berikut merupakan beberapa maklumat berkaitan OMK 2020.

**a) Yuran Penyertaan OMK 2020**

Untuk makluman, OMK adalah pertandingan berkumpulan (**4 orang/kumpulan**) manakala bilangan kumpulan tidak terhad. Berikut adalah yuran penyertaan bagi OMK 2020:

Status Keahlian	Perkara	Bayaran Awal	Bayaran Selepas 3 Julai 2020
Sekolah Yang Menjadi Ahli PERSAMA	Yuran Keahlian PERSAMA	RM 50.00	
	Pasukan Pertama (Setiap Kategori)	RM 60.00	RM 70.00
	Pasukan Berikutnya (Dalam Kategori Sama)	RM 50.00	RM 60.00
Sekolah Yang Bukan Ahli PERSAMA	Setiap Pasukan	RM 120.00	RM 130.00

**Pendaftaran keahlian PERSAMA boleh dilakukan serentak dengan pendaftaran OMK. Tempoh keahlian adalah 1 Januari - 31 Disember 2020.**

**b) Pendaftaran OMK 2020**

Pendaftaran dan penyertaan sekolah/institusi hendaklah dibuat dengan memuat turun **Borang Pendaftaran OMK 2020** di laman sesawang PERSAMA (<http://persama.org.my>). Penyelaras atau pihak sekolah/institusi perlu mengisi borang pendaftaran tersebut dan menghantar semula ke e-mel OMK ([umtomk@gmail.com](mailto:umtomk@gmail.com)).

**c) Tarikh Tutup Pendaftaran dan Bayaran OMK 2020**

Pendaftaran penyertaan hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya pada 12 Jun 2020** dan bayaran penyertaan perlu dibuat **selewat-lewatnya pada 3 Julai 2020**.

8. Maklumat TERKINI dan terperinci berkaitan OMK 2020 serta pusat pertandingan akan dimaklumkan di laman sesawang PERSAMA dua minggu sebelum tarikh pertandingan dan sebarang maklumat akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Bagi menjana satu generasi yang berdaya matematik untuk menyahut cabaran sains dan teknologi dalam milenium ini, aktiviti ke arah pencapaian matematik yang lebih tinggi wajarlah disambut dengan penuh semangat. Justeru, PERSAMA amat mengalu-alukan para pelajar menyertai OMK 2020.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



**(Dr. Binyamin bin Yusoff)**

Penyelaras Olimpiad Matematik Kebangsaan 2020

b.p. Presiden PERSAMA

☎ : +609-6683316

✉ : [binyamin@umt.edu.my](mailto:binyamin@umt.edu.my)

s.k. - fail

**Perhatian:**

1. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh terus berhubung dengan sekretariat OMK melalui e-mel ([umtomk@gmail.com](mailto:umtomk@gmail.com)) atau penyelaras-penyelaras sekolah/institusi berikut mengikut negeri:

Nama	No Tel.	e-mel	Negeri
Dr. Nur Aidya Hanum Binti Aizam	09-6683979	<a href="mailto:aidya@umt.edu.my">aidya@umt.edu.my</a>	Johor
Dr. Fatimah Noor Harun	09-6683341	<a href="mailto:fnoor_hh@umt.edu.my">fnoor_hh@umt.edu.my</a>	Kedah/Perlis
Dr. Ilyani Abdullah	09-6683476	<a href="mailto:ilyani@umt.edu.my">ilyani@umt.edu.my</a>	Kelantan
Dr. Hanafi Bin A. Rahim	09-6683626	<a href="mailto:hanafi@umt.edu.my">hanafi@umt.edu.my</a>	Melaka
Dr. Ahmad Termimi Ab Ghani	09-6683975	<a href="mailto:termimi@umt.edu.my">termimi@umt.edu.my</a>	Negeri Sembilan
Pn. Siti Madhiah Binti Abdul Malik	09-6683734	<a href="mailto:madhiah@umt.edu.my">madhiah@umt.edu.my</a>	Pahang
Dr. Mohamad Nazri b. Husin	09-6683320	<a href="mailto:nazri.husin@umt.edu.my">nazri.husin@umt.edu.my</a>	Perak
Dr. Azwani Binti Alias	09-6683413	<a href="mailto:azwani.alias@umt.edu.my">azwani.alias@umt.edu.my</a>	Pulau Pinang
Dr. Nur Fadilah Binti Ibrahim	09-6683717	<a href="mailto:fadilah@umt.edu.my">fadilah@umt.edu.my</a>	Sabah
Dr. Syerrina Binti Zakaria	09-6683681	<a href="mailto:syerrina@umt.edu.my">syerrina@umt.edu.my</a>	Sarawak
Dr. Hassilah Salleh	09-6683380	<a href="mailto:hassilah@umt.edu.my">hassilah@umt.edu.my</a>	Selangor
Pn. Nor Azlida Aleng@Mohamad	09-6683744	<a href="mailto:azlida_aleng@umt.edu.my">azlida_aleng@umt.edu.my</a>	Terengganu
Dr. Mohamed Saifullah Hussin	09-6683383	<a href="mailto:saifullah@umt.edu.my">saifullah@umt.edu.my</a>	WP Kuala Lumpur/Putrajaya

2. PERSAMA juga menerbitkan buku himpunan soalan-soalan OMK. Sila layari laman sesawang PERSAMA (<http://persama.org.my>) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kaedah pembelian.